



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PROGRAM EKONOMI PERKONGSIAN - PERBADANAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA
(MDEC)

1. Adakah Syarikat Penyedia Platform (Syarikat) yang terlibat di bawah Program Ekonomi Perkongsian (*Sharing Economy Programme*) Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) beroperasi seperti biasa?

Di bawah Perintah Kawalan Pergerakan ini, kerajaan telah mengeluarkan senarai perkhidmatan perlu (*essential services*) dan perkhidmatan *non-essential*. Syarikat yang terlibat di bawah Program Ekonomi Perkongsian MDEC turut tertakluk di bawah arahan ini.

Nota:

- i. Sila rujuk Lampiran A bagi Senarai Perkhidmatan Ekonomi Perkongsian yang **Dibenarkan** beroperasi, dan
- ii. Sila rujuk Lampiran B bagi Senarai Perkhidmatan Ekonomi Perkongsian yang **Tidak Dibenarkan** beroperasi.

2. Adakah syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan pembungkusan dan penghantaran makanan sedia dimakan, serta peruncitan seperti Food Panda, DeliverEat, BungkusIt dan sebagainya dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk beroperasi di bawah perkhidmatan pembungkusan dan penghantaran makanan sedia dimakan, serta peruncitan adalah seperti senarai dibawah.

- i. Food Panda
- ii. Bungkusit
- iii. GoGet
- iv. Delivereat
- v. GetRunner
- vi. Yummi Hero
- vii. HappyFresh

Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Syarikat-syarikat ini juga perlu memastikan pekerja mematuhi 'Panduan Keselamatan Makanan bagi Pencegahan COVID-19' yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



3. Adakah syarikat-syarikat di bawah kategori Perkhidmatan Elektrik dan Tenaga serta Perkhidmatan Air yang menawarkan perkhidmatan pembaikan/penyelenggaraan /operasi ke rumah seperti Servis Hero, StarTasker dan Mr Wireman dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Syarikat-syarikat yang dibenarkan menawarkan perkhidmatan pembaikan/penyelenggaraan operasi ke rumah adalah seperti senarai dibawah.

- i. ServisHero
- ii. StarTasker
- iii. MrWireman

Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Syarikat-syarikat ini perlu memastikan operasi pekerja berdasarkan garis panduan amalan terbaik prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh KKM.

4. Syarikat saya yang menjalankan operasi perniagaan berlandaskan konsep Ekonomi Perkongsian tidak termasuk di bawah Program Ekonomi Perkongsian MDEC. Bagaimana syarikat saya boleh menyertai program ini?

Layari www.erezeki.my untuk maklumat lanjut mengenai Program Ekonomi Perkongsian MDEC dan hubungi Client Contact Centre (CliC) MDEC untuk permohonan sebagai rakan strategik Program Ekonomi Perkongsian MDEC. Pihak kami akan berhubung dengan syarikat anda.

5. Saya berminat untuk menceburi bidang pekerjaan secara *freelance* atau bekerja sebagai pekerja *gig economy*. Bagaimana saya boleh mengetahui peluang-peluang kerja yang ditawarkan?

Layari laman web www.erezeki.my untuk maklumat lanjut mengenai Program Ekonomi Perkongsian MDEC serta daftar sebagai ahli eRezeki di laman web kami.

6. Sebarang pertanyaan berhubung isu-isu ini bolehlah hubungi:

Client Contact Centre (CliC)
Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) Sdn Bhd
2360 Persiaran APEC
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Emel: clic@mdec.com.my
Tel: 1-800-88-8338